

1984

KUALA LUMPUR (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI BELIAU BELUM DAPAT MENGANGGARKAN BANYAK MANA PINJAMAN YANG DIBERIKAN OLEH BUMIPUTRA MALAYSIA FINANCE LTD (BMF) KEPADA KUMPULAN CARRIAN DI HONG KONG YANG BOLEH DIDAPATKAN SEMULA.

DITANYA SAMADA BELIAU MASIH YAKIN BAHAWA BMF BOLEH MENDAPATKAN BALIK ANTARA 20 HINGGA 25 PERATUS DARIPADA PINJAMAN ITU SEPERTI YANG DIBAYANGKANNYA OKTOBER LALU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA "PADA MASA ITU SAYA CUMA MEMBUAT TANGGAPAN BERDASARKAN PASARAN HARTANAH DI HONG KONG BERDASARKAN KEPADAKADAR PERTUKARAN MASA IT".

SEJAK ITU HARGA HARTANAH TERUSTURUN DAN KADAR PERTUKARAN DAN JUGA LAIN-LAIN KEJADIAN SELEPAS ITU TURUT JATUH AKIBAT KEJATUHAN CARRIAN.

PENGERUSI BANK BUMIPUTRA DR NAWAWI MAT AWIN YANG DIAJUKAN SOALAN YANG SERUPA BERKATA "SAYA BUKAN PAKAR DALAM NILAI HARTANAH DI HONG KONG."

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA DITANYA TENTANG MUTU SEKURITI YANG DIPEROLEHI BMF BAGI PINJAMANNYA EKORAN DARIPADA PENDEDAHAN DALAM TUNTUTAN-TUNTUTAN BARU-BARU INI TERHADAP PEMILIK CARRIAN GEORGE TAN YANG MENUNJUKKAN BAHAWA BEBERAPA PINJAMAN ITU HANYA DIPEROLEHI MELALUI JAMINAN GEORGE TAN SENDIRI. -- LAGI 2030/II

ZCZC 0676

BMF - WANG 2 KUALA LUMPUR

MINGGU LALU BMF MEMBUAT BEBERAPA TUNTUTAN DI MAHKAMAH TINGGI HONG KONG BAGI MENDAPATKAN SEMULA PINJAMAN BERJUMLAH US\$180 JUTA KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT DALAM KUMPULAN CARRIAN YANG DIJAMIN SENDIRI OLEH GEORGE TAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA "TIDAK ADA FAEDAHNYA BAGI SAYA MENJAWAB SOALAN INI KERANA ANDA SENDIRI BOLEH MEMBERI JAWAPAN DAN MENGHURAIKAN APA HESUDAHANNYA."

GABENOR BANK NEGARA TAN SRI ABDULAZIZ TAHAYANG TURUT HADIR BERKATA BANK PUSAT TIDAK MENGETAHUI SEBELUM INI TENTANG SESARANG SYARIKAT DALAM KUMPULAN CARRIAN ITU SEBELUM KEJATUHAN PASARAN HARTANAH HONG KONG.

PERDANA MENTERI BERKATA BANYAK BANK DI HONG KONG JUGA MENJADI PEMBERI PINJAMAN KEPADA CARRIAN DAN MEREKA JUGA TIDAK MENYANGKA TENTANG KEJATUHAN PASARAN HARTANAH.

SEKIRANYA BANK-SANK HONG KONG TIDAK DAPAT MENGETAHUI HAL INI, DAPATLAH DIFAHAMI KALAU BANK NEGARA TIDAK MENYANGKA PASARAN ITU AKAN JATUH. -- TAMBAH BELIAU. -- LAGI 2035/II

BMF - WANG 3 KUALA LUMPUR

TAN SRI AZIZ DAN DR NAWAWI BERKATA BANK NEGARA DAN BANK BUMIPUTRA TELAH MENYAIAPKAN TUGAS MENGAUDIT BMF BERIKUTAN TERJUMPANYA PINJAMAN-PINJAMAN YANG DIBERIKAN KEPADA KUMPULAN DI HONG KONG ITU.

MEREKA BERKATA HASIL PENYIASATAN DARIPADA TUGAS MENGAUDIT ITU AKAN DISERAHKAN KEPADA JAWATANKUASA PENYIASAT HAL EHWAL URUSAN PINJAMAN BMF ITU.

MENURUT DR NAWAWI, PEGAWAI EKSEKUTIF BANK BUMIPUTRA, JALIL IBRAHIM YANG DIBUNUHI DI HONG KONG JULAILALU, TIDAK MENGANGGOTAI PASUKAN AUDIT ITU.

DR NAWAWI BERKATA BMF MASIH BERJALAN SEPERTI BIASA KERANA "KIRA MEMPUNYAI URUSAN DENGAN PELANGGAN-PELANGGAN LAIN."

MENTERI KEWANGAN TENGGU RAZALEIGH HAMZAH YANG TURUT HADIR BERKATA KEPUTUSAN BELUM DIAMBIL SAMADA LEBIH BANYAK WANG AKAN DIMASUKKAN KE DALAM BANK BUMIPUTRA AKIBAT DARIPADA SKANDAL PINJAMAN ITU. -- BERNAMA